



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK GUNA TENAGA, MALAYSIA SUKU TAHUN KEEMPAT 2024

Sejumlah 9.05 juta jawatan direkodkan dalam sektor ekonomi pada suku tahun keempat 2024, menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 1.3 peratus

PUTRAJAYA, 13 FEBRUARI 2025 – Sejumlah 9.05 juta jawatan direkodkan dalam sektor ekonomi pada suku tahun keempat 2024, menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 1.3 peratus, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam penerbitan **Statistik Guna Tenaga, Suku Tahun Keempat 2024** pada hari ini. Statistik yang diterbitkan dalam laporan ini adalah berdasarkan Survei Guna Tenaga yang dilaksanakan ke atas syarikat perniagaan berdaftar dalam sektor swasta. Laporan ini membentangkan statistik permintaan buruh merangkumi indikator bilangan jawatan, jawatan diisi, kekosongan jawatan dan pewujudan jawatan mengikut kategori kemahiran dan aktiviti ekonomi.

Menjelaskan mengenai sebaran pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata “Pada suku tahun keempat 2024, jawatan dalam sektor ekonomi meningkat sebanyak 1.3 peratus atau bersamaan dengan 119.1 ribu dengan merekodkan 9.05 juta jawatan (ST4 2023: 8.94 juta). Ini menunjukkan bahawa Malaysia terus mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang positif dalam usaha meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh dalam industri, bagi memenuhi permintaan semasa pasaran buruh. Daripada jumlah ini, 97.9 peratus jawatan telah diisi manakala 2.1 peratus masih kosong.

Selanjutnya, Ketua Perangkawan menyatakan bahawa bilangan jawatan diisi juga meningkat sebanyak 1.3 peratus tahun ke tahun, dengan 8.86 juta jawatan berbanding 8.74 juta jawatan pada ST4 2023. Pertumbuhan positif ini didorong oleh sektor Perkhidmatan dengan pertumbuhan sebanyak 1.6 peratus, diikuti oleh sektor Pembuatan dan Pertanian masing-masing pada kadar 1.4 peratus dan 1.1 peratus. Perincian jawatan diisi mengikut aktiviti ekonomi menunjukkan sektor Perkhidmatan mendominasi dengan 52.7 peratus atau bersamaan 4.67 juta jawatan, diikuti oleh Pembuatan (2.39 juta; 27.0%) dan Pembinaan (1.25 juta; 14.1%). Mengikut kategori

kemahiran, jawatan diisi dalam kategori separuh mahir adalah sebanyak 5.55 juta jawatan (62.7%), diikuti oleh kategori mahir dengan 2.22 juta jawatan (25.0%) dan kategori berkemahiran rendah sebanyak 1.09 juta jawatan (12.3%).”

Mengulas lanjut mengenai situasi semasa permintaan buruh, Ketua Perangkawan berkata “Kekosongan jawatan pada suku tahun ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1.8 peratus, menjadikan jumlah kekosongan sebanyak 193.6 ribu (ST4 2023: 190.2 ribu). Mengikut aktiviti ekonomi, lebih daripada separuh kekosongan jawatan direkodkan dalam sektor Pembuatan dengan 110.5 ribu kekosongan (57.0%), terutamanya dalam subsektor Produk elektrik, elektronik, dan optikal iaitu sebanyak 34.3 ribu kekosongan. Ini diikuti oleh sektor Pertanian dan Pembinaan, masing-masing dengan 31.9 ribu kekosongan (16.5%) dan 25.7 ribu kekosongan (13.3%). Perincian kekosongan jawatan mengikut kategori kemahiran, kategori separuh mahir mencatatkan sumbangan terbesar sebanyak 56.0 peratus (108.5 ribu), diikuti oleh mahir sebanyak 24.6 peratus (47.6 ribu) dan kategori berkemahiran rendah sebanyak 19.4 peratus (37.5 ribu).

Beralih kepada pewujudan jawatan, sedikit peningkatan dicatatkan pada suku keempat 2024, dengan 31.5 ribu jawatan baharu diwujudkan berbanding 31.1 ribu pada suku yang sama tahun sebelumnya. Secara tahunan, pewujudan jawatan meningkat sebanyak 0.6 peratus dengan merekodkan 127.2 ribu jawatan baharu pada 2024 berbanding pada 2023 (126.5 ribu). Pertambahan pewujudan jawatan ini adalah selari dengan peningkatan permintaan buruh, didorong oleh perkembangan industri dan pembangunan infrastruktur yang berterusan. Daripada jumlah keseluruhan pewujudan jawatan pada ST4 2024, majoriti jawatan baharu adalah dalam kategori separuh mahir, merangkumi 62.6 peratus (19.7 ribu), diikuti oleh kategori mahir (26.8%; 8.4 ribu) dan kategori berkemahiran rendah (10.6%; 3.3 ribu). Mengikut aktiviti ekonomi, sektor Perkhidmatan merekodkan sumbangan yang ketara dengan 15.7 ribu pewujudan jawatan (49.9%), dipacu oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit, yang mewujudkan 9.1 ribu jawatan baharu. Di samping itu, terdapat 11.0 ribu jawatan baharu (34.9%) dalam sektor Pembuatan, terutamanya dalam subsektor Produk elektrik, elektronik, dan optikal, yang mencatatkan 4.0 ribu jawatan baharu. Sementara itu, sektor Pembinaan menyumbang sebanyak 3.4 ribu jawatan baharu (10.7%).”


Merumuskan kenyataannya, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan bahawa Malaysia terus menunjukkan perkembangan ekonomi dengan prestasi pasaran buruh yang stabil sepanjang suku tahun ini. Hal ini turut digambarkan oleh kadar pengangguran yang rendah iaitu pada 3.1 peratus seperti yang dilaporkan dalam Statistik Tenaga Buruh, Disember 2024. Kestabilan permintaan buruh ini menunjukkan industri mempunyai ketersediaan tenaga buruh yang berterusan dan pencari kerja mempunyai peluang pekerjaan yang lebih besar sekaligus menjadikan prospek ekonomi bagi tahun 2025 secara keseluruhan kekal positif.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 13 Februari 2025


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Paparan 1: Statistik Guna Tenaga, ST4 2021 – ST4 2024



Paparan 2: Permintaan Buruh mengikut Kemahiran, ST4 2024



Paparan 3: Permintaan Buruh mengikut Aktiviti Ekonomi, ST4 2024
(% Sumbangan)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
13 FEBRUARI 2025